

PENGARUH MEDIA DALAM DIALOG KEHIDUPAN: PERSPEKTIF PENGALAMAN SAUDARA BARU

AZARUDIN BIN AWANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA TERENGGANU
KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ KHAMBALI
UNIVERSITI MALAYA

Abstrak

Pengaruh media dalam dialog kehidupan yang berlaku dalam pengalaman komuniti pra konversi Saudara Baru menyumbang kepada proses pemeluk agama Islam. Pengalaman ini turut berlaku dalam kehidupan masyarakat Saudara Baru Cina di negeri Terengganu. Pengaruh media yang memapar unsur-unsur keagamaan Islam melalui perkongsian aktiviti Muslim-non Muslim yang dikenali sebagai dialog kehidupan ini membolehkan komuniti Saudara Baru pra konversi memahami nilai sebenar agama Islam dan sedikit sebanyak mengubah persepsi mereka terhadap agama tersebut. Objektif kajian ini ialah melihat pengaruh media terhadap memberi kefahaman nilai-nilai agama Islam dalam kalangan Saudara Baru pra konversi ketika terlibat dalam dialog kehidupan. Temubual telah dilakukan ke atas Saudara Baru yang telah memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Hasil kajian mendapati, pemahaman terhadap agama Islam yang tercipta hasil daripada penglibatan Saudara Baru pra konversi dalam dialog kehidupan mencetuskan satu paradigma untuk mereka meneroka agama Islam dengan lebih mendalam. Pengalaman dialog kehidupan pra konversi Saudara Baru ini menjelaskan bahawa peranan media menyumbang terhadap proses mengenal dan memahami agama Islam yang berlaku di negeri Terengganu

Kata kunci: *Pengaruh media, kefahaman, dialog kehidupan, saudara baru*

MEDIA INFLUENCE IN THE DIALOGUE OF LIFE: FROM THE PERSPECTIVES OF A REVERT MUSLIM

Abstract

Media influence in the dialogue of life that occurred in the pre-conversion experience of community new Muslim (Muslim converts) contribute to the process of conversion. This experience has also occurred in the life of the new Muslim Chinese converts society in the state of Terengganu. Media influence which display Islamic elements through the sharing activities in Muslim and non-Muslim relationship in dialogue of life enables new Muslim converted to understand the real values of Islam and changed their perception of the Islamic religion. The objective of this study is to determine the influence of media on understanding the values of Islam among the new Muslim (Muslim converts). Interviews are conducted with the Chinese community who had converted to Islam in the state of Terengganu. The findings in this study have shown that the dialogue of life pre-conversion helped them in their efforts to understanding and explore the religion of Islam deeply. The information that new Muslims shared about their pre-conversion experiences in the dialogue of life repeatedly confirmed the importance of media to concrete knowing and understanding the message of Islam in the state of Terengganu.

Keywords: Media influence, understanding, dialogue of life, new muslim

PENDAHULUAN

Media merupakan satu aspek komunikasi yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Sebagai satu aspek komunikasi yang penting, media amat berpengaruh dalam memberi panduan kepada tingkahlaku manusia, mencorakkan kehidupan dan mempengaruhi norma-norma hidup manusia. Berdasarkan Kamus Dewan (2010), media dinyatakan sebagai alat, saluran atau perantara komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat berita kepada orang ramai dalam masa yang singkat. Berkait dengan ini, Nielsen (2001) dan Musa (1996) menjelaskan bahawa media merupakan penyampai atau pembawa maklumat antara punca dengan penerima seperti filem, video, radio, gambar foto, risalah, poster dan

sebagainya. Aminuddin et al. (2009) berpendapat media berperanan mencapai sesuatu perubahan tertentu sama ada yang berkaitan dengan sikap, ilmu pengetahuan mahupun amalan. Bagi Najmuddin dan Samsuddin (2015) Media dilihat satu alat bagi mendapatkan informasi dan pengetahuan dengan cepat, sehingga mereka menjadi komuniti yang yang mampu memahami informasi lebih banyak (well informed) selain mewujudkan jaringan sesama komuniti atau masyarakat berjejaring (networking societies). Dengan kata lain, media komunikasi membekalkan mesej atau maklumat sama ada yang berfaedah atau sebaliknya kepada seseorang dengan tujuan mempengaruhi sesuatu perkara dan bertujuan untuk mencapai sesuatu perubahan tertentu sama ada yang berkaitan dengan sikap, ilmu pengetahuan mahupun amalan.

Di tempat yang lain, Nielsen (2001) membahagikan media kepada beberapa jenis. Dominasi penggunaan media penyiaran seperti radio, peralatan siar raya, muzik rakaman, filem dan televisyen amat berpengaruh dalam menyampaikan informasi secara elektronik. Manakala media cetak yang lebih menggunakan objek fizikal seperti akhbar, buku, risalah atau komik merupakan untuk mengedarkan maklumat mereka. Selain itu, salah satu bentuk penyebaran maklumat ialah ditonjolkan melalui media massa yang terdiri daripada papan tanda, tanda-tanda atau pelekat diletakkan di dalam dan di luar bangunan komersial, stadium sukan, kedai-kedai dan bas. Termasuk juga di sini pengucapan awam dan acara menganjurkan boleh juga dianggap sebagai bentuk media massa. Media digital pula terdiri daripada penyebaran maklumat melalui internet dan komunikasi massa mudah alih. Media internet menyediakan banyak perkhidmatan media massa, seperti e-mel, laman web, blog, dan internet berasaskan radio dan televisyen. Banyak media massa lain mempunyai kehadiran di web, dengan perkara-perkara seperti mempunyai iklan TV yang mengandungi pautan ke laman web, atau mengedarkan Kod QR di cetak atau media luar untuk mengarahkan pengguna mudah alih ke laman web. Dengan cara ini, mereka boleh menggunakan akses mudah bahawa Internet mempunyai, dan jangkauan yang mampu Internet, maklumat dengan mudah boleh disiarkan kepada banyak kawasan yang berlainan di dunia pada masa yang sama dan kos-efisien.

Huraian pengaruh media terhadap aspek-aspek kehidupan manusia mungkin sahaja dilihat dalam bentuk yang berbeza-beza. Abd Halim & Zarin (2009) berpandangan pengaruh media mudah dirasai kerana perkembangan teknologi dan mudahnya mendapat siaran yang kadangkala mengakibatkan rasa ketidakstabilan dalam emosi dan psikososial mereka. Wan Norina et al. (2013) menyatakan bahawa media banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar dan mereka boleh memilih sama ada untuk memilikinya atau tidak. Justeru itu, masyarakat sama ada secara sedar atau tidak, melekat dengan media dalam kehidupan seharian. Ternyata pengaruh media terhadap perubahan masyarakat begitu kuat sehingga hal-hal yang dipaparkan dalam media mampu membawa perubahan kepada masyarakat. Ini adalah kerana teknologi media dalam berkomunikasi hari ini sememangnya menjanjikan kecepatan penyampaian

kepada manusia. Lebih-lebih lagi penggunaan aplikasinya yang sangat mudah dan sederhana.

Salah satu tolak ukur kemajuan sebuah negara adalah sampai di mana ia menguasai teknologi dan ilmu pengetahuan dengan mantap, komprehensif dan total. Najidah & Abu Darda (2012) menyatakan peranan media dalam Islam mesti menonjolkan prinsip yang selari dengan ajaran yang telah ditetapkan oleh Islam. Dalam perihal ini Ghazali (2008) menyatakan bahawa antara peranan media informasi Islam sewajarnya ditumpukan untuk menyebarkan agama islam, memperjelaskan isu-isu yang berkaitan umat, menggunakan pendekatan berhikmah dalam menjayakan komunikasi tersebut, menangkis salah faham yang dipaparkan oleh media Barat terhadap agama Islam dan melindungi ummah dari sebarang anasir yang menyesatkan. Justeru itu, Abdul Latif (2012) menyatakan media massa Islam dapat melaksanakan hal itu melalui fungsi kritik atau pengawasan sosial (*social control*) dengan cara verbal mahupun tidak verbal, tetapi perlulah menghindari ungkapan dan adegan-adegan yang bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Justeru, komunikasi Islam yang berteraskan Al-Quran dan hadis hendaklah dijadikan panduan utama dalam usaha kita berdakwah dan mewujudkan perpaduan kesatuan ummah.

Pembangunan dialog antara agama sebagai satu bentuk mekanisme dalam konteks perkembangan dakwah di Malaysia adalah bertujuan menyampaikan informasi yang benar tentang agama Islam. Jika diperhatikan bentuk dialog agama seperti penegasan Shaharom (2005), Rahimin et al. (2011) dan Suraya (2012) adalah dialog tindakan bersama, dialog pengalaman agama, dialog teologi dan dialog kehidupan. Swidler (2003) menyatakan sewajarnya konsep sebenar dialog antara agama bukan hanya dibincangkan oleh wakil-wakil agama tetapi dialog sewajarnya turut melibatkan semua anggota masyarakat. Dialog kehidupan secara ilmiahnya merupakan satu bentuk dialog yang berlaku secara spontan yang dijelmakan dalam bentuk perkongsian hidup dan nilai-nilai spiritual. Dialog kehidupan itu juga merangkumi perkongsian keseluruhan aspek kehidupan manusia dan berlaku dalam kelompok manusia yang berbeza kepercayaan pada peringkat akar umbi. Dalam kata lain dalam kehidupan seharian masyarakat awam yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama saling memperkaya fahaman masing-masing dengan mempraktikkan nilai-nilai peradaban dan tradisi mereka melalui proses bekerjasama, berkomunikasi dan hidup bersama-sama. Ini bermakna setiap manusia yang mengikuti amalan agama masyarakat lain mampu mengungkap persoalan terhadap budaya hidup yang beraneka secara spontan dan suka rela.

Selain itu, dialog kehidupan bermatlamatkan untuk mewujudkan perkongsian hidup yang aman dan sejahtera (Volker, 2004). Semua ini adalah dilandasi oleh interaksi spontan yang berlaku dalam segenap ruang kehidupan manusia yakni di pejabat, di sekolah, di hospital, di dalam kenderaan awam dan sebagainya (Azizan, 2008). Identiti yang mahu ditonjolkan dalam dialog kehidupan ialah identiti masyarakat yang dapat memahami, menghargai dan menghormati perbezaan

yang wujud dalam agama orang lain. Dalam kata lain melalui peranan media dan dialog, kita dapat membina masyarakat yang memahami agama dan budaya, pendirian tentang agama dalam hal-hal yang berbeza (Kamar Oniah, 2010). Dengan demikian, dialog kehidupan yang perlu diketengahkan oleh komuniti Muslim ialah penampilan nilai-nilai yang baik dalam agama Islam, bagaimana agama Islam menyelesaikan sesuatu masalah dan konteks hubungan manusia dengan Tuhan. Biar pun begitu, hubungan antara agama yang berlaku ini wajar tertakluk kepada batasan dan ketentuan hukum Islam. (Muhamad Faisal, 2012). Abdul Aziz (2008) menyatakan bahawa pengaruh media sebenarnya mampu menyelesaikan segala kekaburan, salah tanggapan, kelalaian dan kejahilan tentang agama Islam yang berlaku dalam konteks hubungan Muslim dan bukan Muslim. Ini bermakna pengaruh media terhadap dialog kehidupan menunjukkan bentuk dialog sebegini dilihat menjadi platform dalam merungkai perbezaan antara agama tambahan lagi kegagalan masyarakat awam menyempurnakan tanggungjawab sebagai pendialog pastinya akan memberi implikasi yang tidak baik dalam hubungan antara agama dan kaum di Malaysia.

Sememangnya media dilihat sebagai satu alat yang cukup berpengaruh terhadap perubahan manusia. Sehubungan itu, terdapat beberapa kajian yang membincangkan perubahan tingkah laku manusia yang telah dilakukan oleh para sarjana khususnya di Malaysia. Mohd Shamsul et al. (2008) menyatakan media mempunyai kuasa yang kuat di dalam memberi pengaruh terhadap sesuatu situasi dan keadaan. Malah salah satu faktor penting yang mewujudkan implikasi itu adalah disebabkan oleh faktor maklumat yang mampu dan telah memaksa rakyat untuk bertindak dan membuat perubahan. Musa Abu Hasan (1996) mendapati bahawa media cukup berpengaruh dalam melakukan perubahan kognitif, afektif dan psikomotor manusia malahan, berkuasa membentuk tanggapan masyarakat mengenai banyak hal bahkan penerimaan masyarakat terhadap tingkah laku seseorang menerusi insiden tertentu menggambarkan betapa media mampu mempengaruhi seseorang agar mempercayai bahawa berita yang dipaparkan itu adalah benar. Sehubungan dengan ini, Aminuddin et al. (2009) menyatakan media berperanan penting dalam pembinaan masyarakat. Dalam aspek ini media sebagai alat berkomunikasi bertindak sebagai agen sosialisasi masyarakat. Mesejnya yang mampu menyentuh perasaan dan mempengaruhi pemikiran serta mencorakkan sikap tertentu mengakibatkan ada dalam kalangan individu yang memandang serong terhadap peranannya, terutama apabila media menyerlahkan gaya hidup yang bertentangan dengan nilai-nilai asal. Wan Norina et al. (2013) dalam tulisannya mendapati responden amat menggemari media yang bersifat santai seperti web dan televisyen. Manakala minat terhadap media yang lainnya ialah bacaan dari media cetak dan mendengar radio. Terdapat juga beberapa kajian yang lepas yang membicarakan pengaruh media terhadap dakwah Islamiyyah. Antaranya Najidah dan Abu Dardaa (2013) menyatakan bahawa media dengan menonjolkan cita rasa kontemporari cukup berpengaruh sebagai pendidik (*muaddib*), agen informasi (*musaddid*), penyebar fahaman (*mujaddid*),

jambatan menyatukan ummat manusia (*muwahhid*) dan berjuang bagi membetulkan salah faham beragama (*mujahid*). Manakala Ahmad Zahiruddin & Faisal (2014) menyatakan bahawa strategi komunikasi melalui media cetak dengan mengambil kira pengaruh rujukan (misalnya dalam kalangan artis dan selebriti), pakar dalam sesuatu bidang, tokoh yang berpengaruh, penulisan yang mempunyai pengaruh (misalnya menjawab persoalan agama di ruangan akhbar) dan pengalaman kehidupan manusia adalah bertujuan mempengaruhi pemikiran manusia.

Justeru, artikel ini secara sosiologi mengkaji pengaruh media sebelum dan semasa proses pembinaan hubungan antara agama melalui jalinan dialog kehidupan. Selanjutnya memahami isu-isu yang melatari permasalahan yang timbul dalam pengalaman kalangan komuniti Saudara Baru Cina di negeri Terengganu. Ini adalah kerana, dialog kehidupan mampu merungkai permasalahan agama yang wujud dalam kalangan peserta yang terlibat (Suraya & Khadijah, 2012). Penulis yakin melalui penelitian terhadap pengaruh media terhadap dialog kehidupan, kekaburan terhadap agama Islam dapat dirungkai dengan baik dan seterusnya dapat memberi informasi agama Islam yang sebenarnya. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat memperkasakan sejarah dan konteksnya akan memudahkan proses integrasi sesama etnik di negara kita secara keseluruhannya. Kajian ini dilihat begitu relevan terutamanya bagi negara baharu yang terdiri daripada masyarakat majmuk dari segi etnik dan kaum yang dikategorikan mengikut bahasa, identiti dan ciri-ciri unik. Ini adalah kerana, permasalahan hubungan yang berlaku antara Saudara Muslim dengan komuniti bukan Muslim perlu didedahkan bagi memperlihatkan pentingnya dialog antara agama diaplikasikan mengikut syariat agama Islam agar kehidupan Saudara Baru ini lebih terjaga.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebahagian kajian yang dilakukan oleh penulis yang menyentuh tentang satu bentuk dialog antara agama yang dikenali 'dialog kehidupan' yang berlaku dalam komuniti Saudara Baru Cina di negeri Terengganu. Penelitian dilakukan melalui data-data deskriptif kaedah kualitatif pensampelan bertujuan yang merujuk satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Ahmad, 2009). Kajian kes ini dilakukan dengan temu bual dilakukan ke atas 20 orang responden dengan justifikasi pemilihan dibuat dengan mengenal pasti Saudara Baru Cina yang melibatkan diri dalam kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu). Menurut Mohd Najib (2003), melalui kaedah temu bual pengkaji akan memperolehi data yang lebih terperinci dan fokus tidak seperti mana kaedah soal selidik. Antaranya penyelidik mampu memperoleh maklumat luar jangkaan melalui respons tingkah laku peserta kajian. Menurut Mokhtar (2011) reka bentuk kajian kualitatif boleh digunakan untuk menerangkan status terkini tentang sesuatu fenomena

yang berlaku. Justeru itu, kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk.

Peserta kajian merupakan Saudara Baru yang telah memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Bagi menjaga kerahsiaan responden dan memudahkan analisis, penulis menggunakan kod resp#1 hingga resp#20 sebagai ganti nama peserta kajian sebagaimana yang disarankan oleh Nurulhuda dan Ramlee (2009). Bilangan peserta dalam kajian ini ialah seramai 20 orang dikira mencukupi untuk tujuan kajian kes yang berbentuk kualitatif ini. Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara temu bual berfokus agar wujud perkongsian pengalaman antara pengkaji dan responden (Ahmad, 2009). Dalam perihal ini, soalan-soalan di bina berasaskan tema yang telah dikenal pasti dengan senarai soalan ini menjadi panduan semasa proses temu bual dijalankan. Kajian kes yang berbentuk kualitatif dengan saiz sampel yang kecil (n=20) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Kajian rintis ke atas 5 orang Saudara Baru Cina dilakukan bermula Februari 2012 hingga Mac 2012. Temu bual sebenar dilakukan bermula 9 Oktober 2012-15 Disember 2012 dan lokasi temu bual ditentukan sendiri oleh peserta kajian. Sebelum itu penulis telah meminta surat kebenaran daripada pihak Jabatan Agama Islam negeri Terengganu untuk melaksanakan sesi temu bual tersebut.

HASIL KAJIAN

Pengalaman hubungan antara agama Saudara Muslim di negeri Terengganu memperlihatkan amat berkait rapat dengan pengaruh media dalam memaparkan isu-isu yang berkaitan kehidupan seharian komuniti Muslim. Peranan media untuk tujuan memaparkan kebenaran bertanggungjawab membetulkan salah faham seseorang bukan Muslim dengan pengetahuan, idea dan nilai-nilai sesebuah agama sekali gus berfungsi sebagai medium pemupukan hubungan yang sangat bermakna. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh media memberi kesan yang tersendiri dalam kalangan Saudara Baru untuk memahami agama Islam. Walaupun informasi sedikit sebanyak tentang agama Islam telah wujud dalam citra pemikiran mereka, namun secara umumnya boleh dikatakan bersifat umum. Melalui nilai-nilai agama Islam yang dipaparkan melalui media, ianya menyerlahkan lagi keinginan komuniti ini untuk memahami terhadap nilai-nilai agama yang lebih khusus. Gambaran senario tersebut adalah sebagaimana berikut:

Kadang-kala, kalau ada program dekat surau, Nurul (nama selepas memeluk agama Islam) ikut kawan Melayu dekat kampung, Nurul duduk dekat beranda.. dengar orang ceramah agama (Resp # 01 (Hokkien), 2012).

Pengalaman di atas turut dikongsi oleh responden yang lain. Ujarannya adalah sebagaimana berikut:

Saya tanya kawan-kawan ... contoh tentang kalau dia (bilal) azankan (laungan bang), bila saya dengar saya rasa tenang. Sebab rumah saya dekat surau, bila dia bang tuu memang boleh dengar, dengar jelas sungguh .. saya duduk di kampung orang Melayu (Resp # 18 (Hokkien), 2012).

Dalam satu keadaan, walau pun dialog kehidupan melalui pergaulan menjadi pemangkin kepada proses mengenal agama Islam, namun didapati faktor tinggal berhampiran dengan surau, pengaruh media audio mencurahkan sedikit sebanyak nilai amalan yang dimanifestasikan dalam kehidupan masyarakat Muslim. Lantas, untuk memahami dan merungkai permasalahan tersebut, responden bertanya kawan-kawan tentang persoalan yang timbul dalam amalan yang dilakukan oleh masyarakat Muslim. Ini dinyatakan oleh Suraya (2012) bahawa amalan berdialog adalah satu aktiviti yang sihat kerana sebarang kemusykilan, kesangsian dan salah faham di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama dapat diperjelaskan secara terus atau secara bersemuka (*face-to-face*), tanpa dimomok atau dicampuradukkan dengan anasir luar.

Jika diteliti dalam hubungan antara etnik di negeri Terengganu, dapat dinyatakan bahawa faktor penting yang menyumbangkan kepada kesejahteraan hidup antara komuniti yang berbeza agama ini ialah keupayaan komuniti minoriti berkongsi budaya masyarakat Melayu Muslim tempatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa akulturasi budaya yakni proses meminjam budaya masyarakat Melayu menjadikan komuniti Cina cukup mahir bersosialisasi dengan masyarakat tempatan. Proses ini ditonjolkan dalam aspek pemakanan, pakaian, bahasa dan perkongsian aktiviti. Justeru, untuk mengidentifikasikan perjalanan dialog kehidupan komuniti Cina di negeri Terengganu, penyelidik berpendapat pengaruh media sedikit sebanyak membentuk ruang horizon berfikir dan bertanya bagi memahami elemen-elemen agama Islam dalam kehidupan yang pernah dilalui. Pengalaman seperti bersama-sama terlibat dalam aktiviti mendengar ceramah melalui peralatan media audio (sia raya) di surau dan rancangan yang bersifat audio-visual seperti tilawah al-quran yang menyerlahkan hal ehwal agama masyarakat Muslim. Sebagai contoh keakraban Resp # 20 (Hokkien) dengan rakan Melayu Muslim menjelaskan sebagaimana berikut:

Saya pernah duduk tinggal di rumah orang Melayu. bila dia orang sembahyang saya tengok dia buat tapi tak pernah tanya ... saya pernah pergi tidur dirumah dia (kawan Melayu), kadang-kadang sampai dua malam ..keluarga dia orang pun baik dengan saya.. macam keluarga sendiri. Sebelum Islam, saya pernah dengar orang buat program tilawah al-Quran tuu..sebab ikut kawan.. kita sorok (bersorak) ..sambil tepuk tangan ..er ya ni sedap (ketawa) ok dengan orang Melayulah (Resp # 20 (Hokkien), 2012).

Responden lain iaitu Resp#12 (Hakka) yang tinggal di perkampungan Melayu

yang menceritakan pengaruh media cetak dalam memberi jawapan bagi memahami fenomena apa yang sebenarnya berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim biar pun tindakan beliau tersebut kadang kala menimbulkan rasa curiga ahli keluarga yang lain. Beliau menggambarkan senario tersebut sebagaimana berikut:

Saya baca surat khabar, Utusan Malaysia, [saya tengok kolum bab agama sehingga abang saya baca sokmo (selalu) dia marah saya ..tiap-tiap hari saya beli dan saya baca] .. dia kata kamu jangan beli lagi surat khabar ni, kamu kena beli surat khabar bahasa Ingeris. Pengalaman ziarah, saya dululah bergaul dengan budak Melayu dan ziarah rumah dia orang. Ada jugak tengok siaran Islam, [saya suka tengok azan, kan azan ada sari kata kadang-kadang baca se se (satu-satu),] kalau abang saya tak dok (tidak ada) memang saya buka kalau dia ada saya tutup, dia akan marah-marah kat saya (Resp#12 (Hakka), 2012).

Demikianlah bunyi pengakuan responden Resp # 12 (Hokkien) yang telah memeluk agama Islam lebih daripada lima tahun yang mempunyai hubungan akrab dengan rakan Melayu Muslim setempat. Pandangan beliau ini disetujui oleh Resp # 18 (Hokkien) menerusi kenyataannya seperti berikut:

[Macam majalah Al-Islam, saya baca pengalaman masuk Islam (Saudara Baru memeluk Agama Islam)] lepas tu buku-buku macam soal jawab agama Islam. Adalah yang satu tu menyatakan bila kita masuk Islam kita tak bagi tahu ibu bapa..magnanya itu bukan derhaka kepada ibu bapa. Saya pun ambil keputusanlah masuk Islam tanpa memberitahu ibu bapa (Resp # 18 (Hokkien), 2012).

Pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh Saudara Baru melalui media dalam mengenal dan memahami agama Islam adalah bersifat pelbagai. Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam siaran televisyen membuka ruang kepada Saudara Baru untuk mengetahui secara lebih mendalam apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat Muslim. Ini jugalah yang dinyatakan oleh Hashim (2005) bahawa walau apa-apa pun bentuk dialog yang berlaku dalam dua kelompok, ternyata sesebuah kelompok akan sentiasa mempelajari dan menyerap unsur-unsur yang dianggap mempunyai sentuhan yang tersendiri. Sikap sedemikian tergambar pada Resp # 17 (Hokkien) yang menceritakan pengalaman meminati siaran “muqaddam” akhirnya menyebabkan beliau meneroka lebih mendalam terhadap aspek-aspek agama Islam. Beliau menjelaskan sebagaimana berikut:

[Pengalaman kalau tengok televisyen program Islam biasanya tengok bahagian mengaji muqaddam yang Datuk Hasan]. Semasa belajar kat sekolah, kalau cikgu bahasa Mandarin dok mari (tak datang) saya duduk keluar kelas, saya dengar ustaz mengajar (Resp # 17 (Hokkien), 2012).

Dialog kehidupan dalam pengalaman Saudara Baru ditunjukkan oleh perkongsian kegiatan dalam semua bidang. Di dalamnya terkandung aspek-aspek perkongsian kehidupan manusia termasuk kegiatan dalam bidang pendidikan. Meskipun mata pelajaran agama Islam tidak diwajibkan ke atas pelajar-pelajar bukan Muslim, namun ia bukanlah bermakna subjek ini dihalang untuk dipelajari. Justeru itu, kalau dilihat dari aspek pengalaman Saudara Baru yang mengambil mata pelajaran agama Islam pada peringkat sekolah maka media cetak sama ada dari surat khabar, buku atau risalah tentang agama Islam telah membina dan mendedahkan pemahaman awal komuniti ini terhadap agama Islam dan selanjutnya dimajukan sebagai sumber *pengajian subjek tersebut*. Ini dijelaskan oleh *Resp # 06 (Hokkien)* sebagaimana berikut:

I ambik pengetahuan agama Islam, masa SRP.. masa SPM pun sama jugak. Lepas tu masa STPM I ambik sejarah Islam.. tu [banyak baca tentang kisah-kisah Islam].. at the same time I banyak baca kisah tentang Buddha ...saya juga banyak membaca tentang Kristian, saya tengok kitab (Resp # 06 (Hokkien), 2012).

Ini jugalah yang diceritakan oleh *Resp # 07 (Hokkien)*. Kekeliruan tanggapan terhadap agama Islam merangkumi aspek-aspek cara hidup yang kompleks wajar dilakukan penelitian. Jadi, responden perlu memahaminya, menyorot secara lebih mendalam dan melakukan penilaian berasaskan teori dan fakta yang telah, sedang dan akan berlaku dalam pengalaman dialog kehidupan yang dilaluinya. Pendek kata, media cetak meletakkan satu paradigma bahawa dalam titik perubahan pemikiran responden membawa perkembangan baharu dalam mencari kebenaran dalam agama. Ujaran bermakna responden tersebut adalah sebagaimana berikut:

[Kalau buku agama, surat khabar].. bacalah sebab kita pun belajar sampai tingkatan 6, banyak lagi buku yang saya baca tentang agama semua macam tentang dari segi semayang semua ...kita tengok orang kampung semayang, kita tengok dalam buku suruh semayang, kita tanya ustaz, pastu ustaz kabur (beri tahu) lah cite,cite cite pastu dari segi pose ... nak try puasa (Resp # 07 (Hokkien), 2012).

Pengaruh media massa seperti muzik dan lakonan menjadi medium penghibur untuk merehatkan fikiran. (Ghazali, 2008). Selain daripada itu, pengaruh filem-filem Melayu membuka sedikit tentang perihal agama Islam. Pendek kata filem-filem yang dipaparkan di dada TV membuka ruang pertanyaan atau menjelaskan persoalan yang sebenarnya dari apa yang berlaku dalam dialog kehidupan. Aspek bahasa, makanan, pakaian dan aktiviti yang berbaur unsur-unsur keagamaan Islam dalam kehidupan komuniti Melayu ini mendedahkan secara langsung nilai agama tersebut. Ini adalah kerana aspek-aspek agama dan budaya tidak

boleh dipisahkan dalam kehidupan komuniti Melayu Muslim kerana tersisihnya satu aspek tersebut bermakna nilai kebudayaan Muslim tidak dapat berdiri. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana oleh Resp # 08 (Hokkien) sebagaimana berikut:

[Kalau sebelum Islam saya biasa tengok siaran-siaran Islam, mak saya saya memang suka cerita Melayu, ada hal orang bang, hal quran].. tapi kalau ayoh saya ada jangan buka sebab dia pun kawan-kawan pun banyok orang Melayu. Mak saya pakai kain, dia dok pakai seluar macam orang Cina (Resp # 08 (Hokkien), 2012).

Pengaruh seterusnya, responden melihat kehidupan sebenar Saudara Baru yang dipaparkan di dalam media televisyen. Nilai-nilai agama Islam yang murni menentukan hampir-hampir seluruh cara hidup dalam segenap bidang kehidupan. Pengaruh Islam mengubah dan menghilangkan unsur utama kepercayaan asal, sedangkan tidak mengubah nilai-nilai budaya yang tidak bercanggah. Pengalaman ini dinyatakan oleh Resp # 14 (Hailam) sebagaimana berikut:

[Kadang-kadang saya tengok dalam televisyen cerita-cerita orang masuk Islam kan. Cina berlakon tu masuk Islam, eh ko orang masuk Islam macam ni ke?] Bila bab azan kenapa dia macam ni, kenapa ada iqamat pulak. Macam majalah saya tengok kolum orang masuk Islam cuma masa tu, tanya betul ke (tanya pada diri sendiri) saya ni akan jadi orang Islam? Bila saya cerita kepada suami nak jadi Islam, suami pun terkejut dia kata willing ke kamu nak jadi orang Islam tapi kakak-kakak marah dah (Resp # 14 (Hailam), 2012).

Bukan setakat itu sahaja, pengaruh media dalam bentuk lagu-lagu berimejkan Islam seperti nasyid, solawat dan takbir hari raya di kaca televisyen turut menyentuh emosi. Ada benarnya jika dikatakan bahawa perkembangan dialog kehidupan dilakukan berdasarkan pengaruh media. Oleh sebab itu, ada kecenderungan responden terlibat dalam dialog kehidupan setelah melihat pengalaman tersebut melalui siaran media elektronik. Maka corak dan tingkat perasaan *curiosity* dijadikan landasan bagi komuniti ini melihat fenomena sebenar yang berlaku dalam masyarakat serta pengaruh yang dialaminya. Ini dinyatakan oleh Resp # 15 (Foochow) sebagaimana berikut:

Tapi orang bang ke takbir raya ke, waktu saya Cina saya suka dengar. Saya pandai baca saya and then raya dekat TV kan takbir saya pun boleh baca..saya suka sedapnya lagu..Saya selalu ikut mak saya tengok siaran Islam, cerita P Ramlee, Cina saya kurang tengok. Saya juga suka lagu-lagu raya, lagu-lagu nasyid kat TV (Resp # 15 (Foochow), 2012).

Mengambil kira hiburan merupakan keperluan semula jadi manusia, ternyata

pengaruh muzik, lakonan memberi impak terhadap yang persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Dalam proses memahami agama Islam melalui pengaruh media, ternyata identifikasi mereka sedikit sebanyak mengalami perubahan.

KESIMPULAN

Berdasarkan transkrip responden di atas tentang pengaruh media terhadap dialog kehidupan yang berlaku dalam komuniti Saudara Baru ketika pra konversi, jelas menunjukkan bahawa pengaruh media elektronik dan media cetak berperanan dalam menyumbang terhadap proses mengenal; dan memahami agama Islam di negeri Terengganu. Ternyata, fahaman tentang sesuatu konsep yang terkandung di dalam agama Islam dapat ditingkatkan dengan menghubungkan konsep tersebut dengan pengaruh media yang berhubung perkara-perkara yang lazim dengan kehidupan seharian komuniti Muslim. Justeru pengalaman dialog kehidupan yang dilalui oleh komuniti Saudara Baru lebih bermakna kerana peserta dapat menilai sendiri kebenaran konsep tersebut. Sewajarnya, usaha yang mapan dengan memperbanyakkan penerangan aktiviti-aktiviti lazim yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Muslim melalui peranan media bagi memaparkan gambaran yang sebenarnya tentang agama Islam. Perkara yang penting ialah memastikan media memainkan peranan yang positif dalam usaha membetulkan salah faham, menyampaikan kebenaran dan seterusnya membentuk komuniti yang bersatu padu biarpun berbeza pandangan dan agama.

BIODATA PENULIS

Dr. Azarudin Bin Awang adalah pensyarah di Academy Comtemporary of Islamic Study (ACIS), UiTM Terengganu, Sura Hujung, 23000, Dungun, Terengganu.

azaru154@tganu.uitm.edu.my.

Dr. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali adalah Prof Madya, Di Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

ijamh@um.edu.my

Nota

Temu bual Resp # 1 (etnik) - Resp # 20 (etnik) dijalankan mengikut keselesaan dan pilihan responden sendiri sama ada di pusat latihan Saudara Baru Kompleks Darul Hidayah, Pejabat Darul Fitrah (Badan NGO Saudara Baru) atau di kediaman responden antara 9 Okt. 2012 – 12 Disember 2012.

RUJUKAN

- Ab. Halim Bin Tamuri & Zarin Bin Ismail. (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *Sari*. 27:199-212.
- Abdul Aziz Harjin. (2008). *Isu-Isu Komunikasi*. Ed. S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Ismail & Aini Ramlan. 123-166. Shah Alam: UiTM UPENA.
- Abdul Latif (2012) Peranan Dakwah Dalam Dakwah Islamiah, Seminar Dakwah Nasional, siri Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke 4 bertemakan Dakwah Islamiah Sebagai Kekuatan Ummah pada 8-9 Oktober 2012, PWTC: MUAFAKAT.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2012). Peranan Media dalam Dakwah Islamiah. Dalam Wacana Pemikiran Dan Peradaban Ummah ke 4, Seminar Dakwah Nasional 8-9 Okt. 2012 di PWTC.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2014), Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah. *Jurnal Al-Hikmah*. 6(2): 78-90.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad sabri & Nik Yusri Musa. (2009). Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*. 2:65-82.
- Azizan Baharudin, (2008). "Peranan. Dialog Peradaban Di Dalam Wacana 'Tamadun Malaysia'". *Jurnal Peradaban -Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban*. 1:1-20.
- Ghazali Sulaiman. (2008). *Media Komunikasi Islam*. Ed. S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Ismail & Aini Ramlan. 67-76. Shah Alam: UiTM UPENA.
- Hashim Musa. (2005). Islam dan Dialog antara Peradaban: Konsep dan Idealisme, dalam *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharuddin, 13-25. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamar Oniah Kamaruzzaman. (2010). Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective. *A Collection Seminar Papers*. Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khadijah Mohd Hambali @ Khambali, Suraya Sintang & Nor Adina Abdul Kadir. (2010). "Peranan Teratak Fitrah Dalam Melestarikan Jalinan Dialog Kehidupan Saudara Baru Sabah", dalam *Seminar Kebangsaan Saudara Dakwah Kita: Isu dan Cabaran Semasa*. USM.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shamsul Daud, Marlia Idrus & Jasmin Ilyani Ahmad. (2008). Pilihan

Raya Umum Malaysia Ke-12: Media Elektronik Sebagai Platform Penyebaran Maklumat. Dalam *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, ed. Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. Shah Alam: UiTM, UPENA. 543-552.

- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Faisal Ashaari. (2012). Dakwah Asas Hubungan Muslim dan Non Muslim. Dalam *Dakwah Multi Etnik*. Ed. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah, Abd. Ghafar Don & Othman Hj Talib. Bangi: Penerbit UKM.
- Musa Abu Hassan. (1996). Penggunaan Media Komunikasi dalam Aktiviti pemindahan Pengetahuan. Dlm. Mazanah Mohamad & Ezhar Tamam (peny). Rakan Kongsi, *Komunikasi dan Media dalam Pembangunan*. Serdang: Penerbit UPM.
- Najmuddin Mohammad Rasul & Samsudin A. Rahim. (2015). Penggunaan Media, Norma Kewarganegaraan Dan Partisipasi Politik Dalam Era Transisi Ke Demokrasi Di Indonesia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(1): 187-204.
- Najidah Zakariya dan Abu Dardaa Mohamad. (2013). Media Sebagai Wasilah Dakwah. *Jurnal Al-Hikmah* v 5: 92-99.
- Nielsen, C. (2001). *Touris and The Media*. Melbourne: Hospitality Press.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim , Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlan. (2011) “Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia”. *Kajian Malaysia*, Vol. 29, No.2: 91-110.
- Suraya Sintang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2012). “Saudara Baru Dan Peranannya Dalam Arena Dialog Antara Agama.” *Makalah Seminar Pemikiran Islam III*, Sudut Pandangan Islam Dalam Diskusi Sesama Muslim, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 92-94.
- Suraya Sintang. (2012). “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah; Kajian Pengalaman Saudara Baru”. Tesis kedoktoran Universiti Malaya.
- Swidler, L. (2003). Dialogue in Malaysia and The Global Scenario. *Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Volker, K. (2004). “Who, With Whom, About What? Exploring the Landscape of Inter Religious Dialogue”. *Exchange* 33.1. 73-92.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusof & Ahmad Arifin bin Safar. (2013). *Online Journal of Islamic Education*. 1(1): 17-27.
- Troll, C.W. (2008). “Dialogue and Truth-Claims in Christianity and Islam”, *Syarahan Umum*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradapan. Universiti Malaya.